



Lima berita palsu paling ditangani

Kuala Lumpur: Dunia tanpa sempadan melalui teknologi yang berkembang maju membuka peluang kepada orang ramai untuk menjadi pencipta kandungan tidak masuk akal.

Sesiapa saja boleh memuat naik status, menaip seakan-akan wartawan dan memuatkan video sehingga menjadi tular.

Namun dengan kemudahan teknologi dan perkongsian maklumat tanpa sempadan itu, kesannya boleh menyebabkan keburukan menanti pengguna disebabkan kesukaran membendung penyebaran bahan tidak sesuai serta maklumat palsu.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengakui sifat media sosial yang anonim memberi kesukaran untuk mengenal pasti pelaku di sebalik penyebaran kandungan namun proses siasatan serta risikan berupaya mengesan pelaku.

Jurucakapnya berkata, banyak maklumat palsu disebarkan dan dikongsi di media sosial yang boleh mencetuskan kekusaran dan panik dalam kalangan masyarakat selain menggugat kesejahteraan awam.

"Pelbagai jenis dan kategori berita palsu yang disebarkan termasuk isu kesihatan, kepenggunaan, pentadbiran dan keselamatan.

"Lima berita palsu yang paling kerap ditangani di portal Sebenarnya.my adalah berkaitan urus tadbir kerajaan yang merangkumi 37 peratus, jenayah (14 peratus), kesihatan (14 peratus), kepenggunaan (13 peratus) dan keselamatan (9 peratus)," katanya.

Beliau berkata, sepanjang 2019 sehingga 30 Oktober

tahun ini, 85 kes berhubung penyebaran berita palsu disiasat SKMM dengan tujuh daripadanya sudah dituntut di mahkamah.

Bagi kes berita palsu membabitkan Covid-19 pula, katanya, setakat 30 Oktober lalu sebanyak 273 kertas siasatan dibuka oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan SKMM.

Daripada jumlah itu, 136 kes masih dalam siasatan manakala 35 kes didakwa di mahkamah, 21 didapati bersalah, 13 dalam proses perbicaraan dan 12 diberikan notis amaran.

"Bagi kandungan berita palsu Covid-19, sejumlah 450 artikel diterbitkan di portal Sebenarnya.my sehingga 21 Oktober membabitkan mitigasi berita palsu, penjelasan dan memupuk waspada di kalangan masyarakat mengenai penyebaran kandungan," katanya.

Katanya, SKMM bukanlah satu-satunya agensi yang mempunyai kuasa menyiasat aduan berkaitan kandungan di internet sebaliknya turut membantu pihak berkuasa lain seperti PDRM, malah penyebaran kandungan di internet tertakluk kepada undang-undang negara ini.

"Individu yang menyalahgunakan internet untuk menyebarkan kandungan bersifat lucah, suambang, palsu, mengancam atau jelik boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya sekali.

"Undang-undang lain yang terpakai mengikut kes disiasat adalah Kanun Keseksaaan, Akta Hasutan 1948 dan Akta Fitnah 1957," katanya.



90%
Jumlah peningkatan kes berita palsu pada tahun ini

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Angka mengusarkan apabila Polis Diraja Malaysia (PDRM) merekodkan peningkatan lebih 90 peratus bagi kes berita palsu pada tahun ini berbanding tahun lalu.

Timbalan Pengarah (Siasatan dan Perundangan) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman Deputy Komisioner Mior Faridalathrash Wahid berkata, sebanyak 196 kertas siasatan dibuka berhubung penyebaran berita palsu sejak Januari hingga September tahun ini berbanding hanya 10 kertas siasatan bagi tempoh sama tahun lalu.

Beliau berkata, sebanyak 17 kes sudah pun dibicarakan di mahkamah sepanjang tempoh itu tahun ini manakala tiada kes yang dibawa ke mahkamah tahun lalu.

Katanya, 122 kes masih lagi dalam siasatan manakala 57 kes tiada tindakan lanjut (NFA) pada tahun ini.

"Peningkatan ketara itu amat membimbangkan. Kebanyakan kertas siasatan penyebaran berita palsu yang dibuka adalah berkaitan pandemik Covid-19 yang melanda dunia ketika ini.

"Semua mereka yang mengeluarkan berita-berita palsu ini kita boleh dakwa mengikut Seksyen 505 Kanun Keseksaaan dan

PARAH SAMPAI 90%

Peningkatan ketara kes berita palsu cetus kekusaran polis

Kebanyakan kertas siasatan penyebaran berita palsu yang dibuka adalah berkaitan pandemik Covid-19"

Mior Faridalathrash

Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia. "Kita boleh ambil tindakan dan boleh dakwa mereka," katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, orang ramai perlu menilai sesuatu maklumat yang diterima itu terlebih dahulu sebelum menyebarkan.

"Jika kita dapati maklumat diterima itu tidak logik, tidak perlulah disebarkan.

"Kebanyakan kes yang kita siasat, kita dapati

mereka ada rekod masalah mental. Kadang-kadang ada juga yang berasa seronok dan mahu jadi yang pertama, dapat sahaja berita terus sebar tanpa mengesahkan benar atau tidak," katanya.

Katanya, individu yang berkongsi berita palsu walaupun berita itu diterima daripada pihak lain, tetap tidak terkecuali daripada dikenakan tindakan undang-undang.

Beliau menasihati orang ramai supaya menyemak dahulu berita diterima sebelum dikongsikan.

